

## HUBUNGAN ANTARA KEBIMBANGAN DAN KEMURUNGAN DENGAN KUALITI HIDUP WARGA EMAS DEMENSIA: KEPERLUAN TERAPI KENANGAN BERKELOMPOK DI INSTITUSI PENJAGAAN (THE RELATIONSHIP BETWEEN ANXIETY AND DEPRESSION WITH QUALITY OF LIFE AMONG THE ELDERLY WITH DEMENTIA LIVING: THE NEED OF REMINISCENCE GROUP THERAPY IN RESIDENT INSTITUTIONS)

KHADIJAH ALAVI<sup>A,\*</sup>, NORAINI CHE' SHARIF<sup>B</sup> DAN PONNUSAMY SUBRAMANIAM<sup>C</sup>

<sup>a,b,c</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia; <sup>c</sup>Fakulti Sains Kesihatan, 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang berutusan: khadijah@ukm.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara kebimbangan dan kemurungan dengan kualiti hidup warga emas demensia di institusi jagaan warga emas. Kajian ini turut mencadangkan terapi kelompok reminiscence dalam menurunkan kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan penghuni di institusi. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian keratan rentas dan telah dijalankan di Rumah Seri Kenangan Cheras. Seramai 58 warga emas demensia tahap ringan dan sederhana dipilih melalui proses penyaringan oleh pakar psikologi klinikal. Kajian kuantitatif ini telah menggunakan instrumen Quality of Life-AD (QoL-AD), Geriatric Depression Scale (GDS) dan Beck Anxiety Inventory (BAI) untuk mengkaji hubungan antara kebimbangan dan kemurungan dengan kualiti hidup warga emas demensia. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang tidak signifikan antara kualiti hidup dengan tahap kebimbangan. Manakala hubungan antara kualiti hidup dan tahap kemurungan warga emas demensia di RSK Cheras adalah signifikan. Pengaplikasian terapi kelompok reminiscence sebagai salah satu intervensi yang berkesan dalam membantu meningkatkan kualiti hidup dan menurunkan kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan warga emas di institusi penjagaan telah dibincangkan.

**Kata kunci:** kebimbangan, kemurungan, kualiti hidup, warga emas, demensia, institusi penjagaan warga tua dan terapi kumpulan reminiscence

**Abstract:** This study aims to identify the relationship between anxiety and depression with quality of life among the elderly with dementia living in institution. This study also propose reminiscence group therapy in reducing depression and anxiety among residents in institutions. This cross sectional study was conducted at Rumah Seri Kenangan Cheras. A total of 58 elderly with mild to moderate dementia were selected through a series of screening process by a qualified clinical psychologist. Several instruments has been used including Quality of Life-AD (QoL-AD) Geriatric Depression Scale (GDS), Beck Anxiety Inventory (BAI) to investigate the relationship between anxiety and depression with quality of life among the elderly with dementia. This study shows that there is a negative relationship between the level of anxiety and quality of life among the elderly with dementia. Meanwhile, the relationship between depression and the quality of life of elderly with dementia in RSK Cheras shows that there is a significant relationship. The application of reminiscence group therapy as one of the effective intervention to improve quality of life and reduce anxiety and depression among the elderly with dementia in institution were discussed.

**keywords:** anxiety, depression, quality of life, elderly, demensia, elderly institutional care and reminiscence group therapy

### Pengenalan

Demensia merupakan penyakit biasanya dihadapi oleh warga emas yang berusia dalam lingkungan 60 tahun dan ke atas. Namun begitu, terdapat juga individu yang menghidap demensia pada

usia muda iaitu dalam lingkungan 40-an (Cheng et al. 2013). Demensia merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh kemerosotan dalam konteks serebrum iaitu pada bahagian otak yang bertanggungjawab untuk pemikiran,

ingatan, tindakan dan personaliti serta kematian pada sel-sel otak yang membawa kepada kemerosotan kognitif yang teruk (World Health Organization, 2017). Di Malaysia, pesakit demensia adalah seramai 123,000 pada tahun 2015 dan dijangka meningkat 261,000 tahun 2030 dan 590,000 pada tahun 2050 (World Alzheimer Report 2015). Penyakit demensia dikenal pasti terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk (Ding *et al.*, 2018). Statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Demensia Antarabangsa melaporkan bahawa warga emas yang mengalami demensia pada tahun 2014 ialah seramai 44 juta orang di seluruh dunia. Namun begitu, dianggarkan bahawa pada tahun 2050 pesakit demensia meningkat melebihi seramai 135 juta orang (Elbhlin & Katie, 2015).

Manakala peningkatan drastik populasi warga emas menjadi isu utama di Malaysia, di mana 1 daripada 12 penduduk adalah warga emas pada tahun 2015. Isu penjagaan warga emas semakin kritikal pada tahun 2020 ramalan penduduk warga emas yang berumur 60 tahun ke atas ialah sebanyak 3.3 juta iaitu 11% daripada jumlah penduduk negara (Tengku Aizan, 2016). Ini bermakna Malaysia telah dikategorikan sebagai negara emas dalam tempoh 4 tahun lagi. Statistik JKMM 2014 menunjukkan terdapat seramai 1,850 orang warga emas di 11 institusi penjagaan kerajaan dan 4,968 orang warga emas di 186 buah institusi penjagaan di bawah Pertubuhan Bukan Kerajaan dan swasta seluruh Malaysia (Nurhayati *et al.* 2017).

Tambahan lagi, peningkatan keperluan perkhidmatan penjagaan sama ada penjagaan tidak formal oleh ahli keluarga ataupun penjagaan formal di institusi penjagaan adalah kesan daripada peningkatan populasi warga emas. Berbanding dengan penjagaan tidak formal, penjagaan formal di institusi penjagaan adalah pilihan terakhir bagi warga emas dan merupakan suatu pilihan yang tidak popular serta dibuat bukan dengan kerelaan hati (Roy *et al.*, 2018). Secara keseluruhan 34.2% warga emas, iaitu 25.5% lelaki dan 41.5% wanita warga emas di Malaysia mengalami sindrom

'empty nest' iaitu rasa kesunyian dan sedih akibat tinggal bersendirian dan berjauhan daripada anak-anak (LPPKN, 2016). Senario ini juga mendapati kira-kira 55 peratus daripada warga emas menyatakan mereka rela ditempatkan di Pusat Jagaan Orang Tua (LPPKN, 2011). Masalah ini memberi kesan jangka panjang kepada sokongan sosial terhadap warga emas dan menjadi isu yang semakin meruncing.

### Tinjauan Literatur

Kajian sorotan literatur mendapati bahawa secara purata 39% pesakit demensia mengalami kemurungan. Sekiranya dikategorikan mengikut tahap demensia, 41.8% pesakit demensia ringan, 47.1% pesakit demensia sederhana dan 25% pesakit demensia teruk mengalami kemurungan (Tanaka *et al.* 2015). Menurut Tay *et al.* (2018) pengidap penyakit demensia sering berhadapan dengan kebimbangan dan kemurungan, ianya merupakan simptom kecelaruan yang biasa. Kemurungan dan kebimbangan berlaku secara serentak dalam kalangan pesakit demensia di mana 20 hingga 40 peratus akan berhadapan dengan perasaan cepat marah. Simptom kemurungan ini paling biasa berlaku dalam kalangan pesakit demensia (Cipriani *et al.* 2015; Borza, 2015; Alzheimer's Society, 2015). Malangnya, warga emas yang mengidap penyakit demensia yang tinggal di institusi penjagaan akan mengalami kebimbangan dan kemurungan lebih cepat serta kebarangkalian kualiti hidup mereka juga akan menurun dengan mendadak (Crespo *et al.* 2013). Tahap kesejahteraan hidup warga emas pada tahap akhir merupakan isu penting kerana melibatkan kualiti hidup warga emas terjejas terutama penghuni institusi penjagaan yang tidak mempunyai waris dan adakalanya waris mengabaikan mereka. Sudeshna (2013) menyatakan kualiti hidup warga emas adalah dilihat melalui aspek fizikal iaitu berkaitan dengan kesihatan, aspek psikososial (pemikiran dan jaringan sosial), dan pengurusan emosi iaitu sama ada positif atau negatif.

Tingkah laku kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan warga emas demensia di institusi penjagaan dapat dikurangkan melalui

peglibatan mereka dalam aktiviti bersesuaian bagi meningkatkan kualiti hidup ke tahap yang maksimum untuk mencapai penuaan berjaya. Subramaniam *et al.* (2014), menyatakan bahawa warga emas demensia yang tinggal di institusi penjagaan warga emas tidak mempunyai aktiviti yang khusus dan sesuai daripada penjaga, keadaan ini menyebabkan berlakunya kemerosotan kognitif yang lebih cepat akibat kurang rangsangan daripada persekitaran. Oleh itu, aktiviti bermakna yang sesuai untuk warga emas demensia adalah amat diperlukan bagi mengurangkan kebimbangan dan kemurungan warga emas demensia dalam meningkatkan kualiti hidup terutamanya di institusi penjagaan. Merujuk kepada permasalahan yang wujud, kajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kebimbangan dan kemurungan dan apakah impak kualiti hidup dalam kalangan warga emas demensia di institusi penjagaan.

Keperluan rawatan khas perlu disediakan untuk mengenal pasti status warga emas demensia kerana mereka sering kali terasing daripada program dan aktiviti yang dianjurkan di institusi penjagaan. Situasi ini akan menyebabkan keadaan yang lebih buruk kepada pesakit demensia kerana kurang berinteraksi dengan keadaan sekeliling. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Siverova (2014) dan Azcurra (2012), menyatakan bahawa warga emas yang tinggal di institusi penjagaan mempunyai masalah dari segi kualiti hidup yang rendah boleh ditangani melalui aktiviti secara *Group Reminiscence Therapy* (GRT) ataupun Terapi Kenangan Berkelompok. Pekerja sosial di institusi penjagaan juga kurang diberi pendedahan mengenai aktiviti GRT untuk warga emas demensia di institusi. Selain itu, pekerja sosial gerontologi di Malaysia masih lagi kurang dan tiada aktiviti khusus untuk warga emas demensia di institusi penjagaan (Khadijah 2012 & Nurhayati *et al.* 2017).

Pada hakikatnya, warga emas yang menghidap penyakit demensia menerima rawatan dari segi emosi, tingkah laku, fizikal dan sebagainya melalui kaedah yang terdapat dalam GRT seperti mengenang kembali masa

silam untuk menimbulkan perasaan gembira dan dihargai oleh masyarakat sekeliling. Keadaan ini akan mengakses dan aktifkan balik tahap kognitif mereka sepertimana dilaporkan dalam ulasan-ulasan kajian lepas (Woods *et al.* 2018; Subramaniam & Woods, 2012). Di antara kajian terawal Havighurst dan Glasser (1972), telah menjalankan kajian bagi melihat hubungan kekerapan kenangan untuk penyesuaian peribadi sosial. Dalam penyelidikan yang dijalankan seramai 300 orang subjek telah diminta untuk menjawab soalan soal selidik berkaitan dengan gaya hidup, kualiti kenangan dan sikap. Dapatan hasil kajian yang diperoleh oleh penyelidik mendapati bahawa terdapat tiga ciri yang saling berkait rapat iaitu kenangan yang memberi kesan positif, penyesuaian peribadi sosial yang baik serta kenangan yang paling diingati. Jenis kenangan lepas yang selalu dikaitkan dengan kesan positif adalah kenangan yang berfungsi untuk intergrasi (*integrative reminiscence*) (Wong & Watt 1991; Subramaniam & Woods, 2010).

Objektif utama artikel ini adalah mengenal pasti profil warga emas demensia di institusi penjagaan warga emas dan mengenal pasti hubungan antara kebimbangan dan kemurungan dengan kualiti hidup dalam kalangan warga emas demensia di institusi penjagaan Rumah Seri Kenangan Cheras. Kajian ini juga mencadangkan kesesuaian cadangan pelaksanaan terapi *reminiscence* dalam kalangan warga emas di institusi penjagaan berpandukan beberapa kajian lepas (Woods *et al.*, 2018; Duru Asiret & Kapucu, 2015). Tinjauan awal kajian ini mendapati bahawa Rumah Seri Kenangan Cheras belum pernah menjalankan aktiviti terapi *reminiscence* bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas.

### Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan (*survei*). Kajian ini menggunakan borang soal selidik dengan temu bual bersemuka kerana warga emas menghadapi kesukaran untuk memahami dan membaca borang soal selidik yang diedarkan. Dengan bantuan

pegawai kebajikan di Rumah Kenangan, setiap bakal peserta (subjek) telah diberi penerangan mengenai matlamat dan kandungan kajian. Borang soal selidik ini terbahagi kepada bahagian profil demografi responden dan data juga diperoleh dengan menggunakan instrumen *Beck Anxiety Inventory (BAI)* (Beck, 1967), *Geriatric Depression Scale (GDS)* (Sheikh et al. 1986), dan *Quality Of Life-AD(QoL-AD)* (Logsdon et al. 2002). Versi Bahasa Malaysia BAI oleh Mukhtar & Zulkefly (2011) telah digunakan. BAI versi Melayu ini memiliki nilai alpha keseluruhan 0.91, iaitu di antara 0.66 hingga 0.89 dengan tahap kesahan serentak yang memuaskan di antara  $r=.22$  hingga  $r=.67$  (Mukhtar & Zulkefly, 2011). Manakala GDS yang digunakan adalah versi Bahasa Malaysia yang memiliki nilai sensitiviti 0.96 dan 1.00 untuk mengenal pasti tahap kemurungan ringan dan teruk (Teh et al, 2004). Skala GDS adalah sah untuk digunakan dalam kalangan warga emas di institusi dengan  $r = 0.78$  (Ingraham, 1996). QoL-AD yang digunakan adalah versi Melayu yang diterjemahkan dengan menggunakan kaedah adaptasi silang budaya (Kan et al. 2018). Versi Melayu memiliki kesahan gagasan yang baik dengan mewakili 66% varian (Kan et al. 2018). Manakala nilai alfa adalah 0.82 dan nilai interkelas korelasi adalah 0.77 (Kan et al. 2018).

Daripada sebelas (11) buah Rumah Seri Kenangan (RSK) di Malaysia, hanya satu iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras, Negeri Selangor telah dipilih sebagai langkah untuk kajian penerokaan. Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif untuk menganalisis hubungan antara kebimbangan dan kemurungan dengan kualiti hidup warga emas demensia di RSK, Cheras. Jumlah penghuni di Rumah Seri Kenangan Cheras adalah seramai 175 orang yang terdiri daripada 97 orang warga emas lelaki dan 78 orang warga emas perempuan. Kesemua sampel melalui proses penyaringan dengan menggunakan soalan soal selidik *Mini Mental State Exam (MMSE)*, (Folstein & Folstein, 1975) dan *Clinical Demensia Rating (CDR)*, (Hughes et al, 1982). MMSE yang digunakan adalah versi Bahasa Malaysia yang memiliki tahap sensitiviti

yang tinggi iaitu 0.97% dan tahap kekhususan 61% (Zarina et al. 2007). CDR yang digunakan adalah versi yang diadaptasi dalam kalangan warga emas Asia (Lim et al. 2007) dan sesuai untuk warga emas Malaysia. Proses penyaringan ini dijalankan oleh pakar psikologi klinikal dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Analisis data kuantitatif yang digunakan adalah sistem *Statistical Package for Social Science (SPSS 22)*. Kaedah korelasi *pearson* adalah statistik yang digunakan untuk melihat hubungan linear antara dua pemboleh ubah (Chua et al. 2011). Korelasi *pearson* digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan hubungan antara dua pemboleh ubah yang selanjut.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Demografi responden warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras adalah seramai 175 orang dan berumur dalam lingkungan umur 60 tahun dan ke atas (Jadual 1). Sampel kajian adalah seramai 58 orang warga emas yang menghidap demensia pada tahap ringan dan sederhana sahaja. Seramai 58 orang responden dikenal pasti menghidap demensia melalui laporan perubatan yang dijalankan oleh pakar perubatan di RSK Cheras. Hasil analisis data deskriptif meliputi maklumat demografi responden menunjukkan bahawa jantina lelaki dan perempuan merupakan seramai 58 orang iaitu masing-masing 29 orang. Hasil kajian yang diperoleh mendapati terdapat tiga peringkat umur responden iaitu 60-69 tahun seramai 22 orang (37.9%), 70-79 tahun (41.4%), manakala responden yang berumur 80 tahun dan ke atas paling sedikit iaitu seramai 12 orang (20.7%). Terdapat tiga bangsa responden dalam kajian ini iaitu Melayu seramai 40 orang (67%), Cina 10 (17.2%) orang, dan India 8 orang (13.8%) orang. Majoriti dalam kalangan responden adalah berbangsa Melayu.

Seterusnya, majoriti responden dalam kajian adalah menetap di RSK Cheras antara 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 47 orang (81%) manakala selebihnya menetap lebih daripada 6 tahun iaitu 11 orang (19%). Manakala tahap pendidikan responden yang merangkumi universiti 1 orang

(1.7%), sekolah menengah 9 orang (15.5%), yang tidak mendapat pendidikan formal ialah sekolah rendah 35 orang (60.3%) dan responden seramai 13 orang (22.4%).

Jadual 1: Demografi responden

Demografi Responden	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Peringkat Umur	60-69 Tahun	22	37.9
	70-79 Tahun	24	41.4
	80 Tahun dan ke atas	12	20.7
Jantina	Lelaki	29	50
	Perempuan	29	50
Bangsa	Melayu	40	69
	Cina	10	17.2
	India	8	13.8
Tempoh Menetap di RSK Cheras	1-5 tahun	47	81
	6 tahun dan ke atas	11	19
Tahap Pendidikan	Universiti	1	1.7
	Sekolah Menengah	9	15.5
	Sekolah Rendah	35	60.3
	Tidak bersekolah	13	22.4

### Tahap Kebimbangan, Kemurungan dan Kualiti Hidup Warga Emas Demensia

Hasil kajian daripada aspek tahap kebimbangan, kemurungan dan kualiti hidup yang telah dijalankan ke atas 58 orang warga emas yang menghidap demensia di RSK Cheras. Jadual 2 menjelaskan nilai purata kebimbangan, kemurungan dan kualiti hidup yang dialami oleh warga emas demensia di institusi RSK Cheras. Skor purata kualiti hidup warga emas demensia berada pada tahap 12 yang mana nilai purata ini menunjukkan bahawa kualiti hidup warga emas demensia di RSK Cheras berada pada tahap yang rendah. Logsdon *et al.* (2002), menjelaskan bahawa skor purata yang minimum bagi kualiti hidup adalah bermula dengan nilai 13 manakala skor purata yang maksimum iaitu 52. Semakin tinggi nilai skor keseluruhan kualiti hidup, semakin baik kualiti hidup seseorang (Logsdon *et al.* 2002).

Manakala, skor purata bagi kebimbangan warga emas demensia di RSK Cheras ialah 45, keadaan ini menunjukkan bahawa warga emas demensia di RSK Cheras mengalami tahap kebimbangan yang tinggi. Beck *et al.* (1993), menyatakan nilai keseluruhan purata kebimbangan iaitu, 0-21 (kebimbangan rendah), 22-35 (kebimbangan sederhana) dan 36 dan ke atas berpotensi mengalami tahap kebimbangan tinggi (Beck *et al.* 1993). Nilai purata bagi kemurungan warga emas demensia yang menetap di RSK Cheras iaitu pada skor 48, nilai ini menunjukkan bahawa warga emas demensia di RSK Cheras mengalami kemurungan. Bagi instrumen GDS skor daripada 0-5 adalah perkara biasa. Manakala skor lebih besar daripada 5 menunjukkan wujudnya kemurungan dalam kalangan warga emas (Yesavage *et al.* 1983).



Jadual 2 : Tahap Kebimbangan, Kemurungan dan Kualiti Hidup Warga Emas Demensia di Institusi RSK Cheras

Pemboleh Ubah	N	Min	SP	Skor
BAI	58	9.5	10	45
GDS	58	5.9	3.1	48
QoL	58	27.4	7.3	12

### Hubungan Kebimbangan, Kemurungan dan Kualiti Hidup Warga Emas Demensia

Secara umum, kajian lepas di Malaysia melaporkan terdapat hubungan di antara gejala kemurungan dan keceleaan fungsi kognitif dalam kalangan warga emas (Diniz et al., 2013). Brown & Roose (2011) mendapati bahawa kemurungan

dan kualiti hidup mempunyai perkaitan antara satu sama lain terutama dalam kalangan warga emas demensia di institusi penjagaan. Manakala kemurungan berkait rapat dengan kualiti hidup warga emas demensia yang mempengaruhi kehidupan harian terutama dalam faktor sosio-emosi dan keupayaan kefungsi melakukan aktiviti harian (Crespo et al., 2013).

Jadual 3 : Hubungan antara Kebimbangan, Kemurungan dengan Kualiti Hidup Warga Emas Demensia di Rumah Seri Kenangan Cheras

Pemboleh ubah	N	Nilai r	Sig
BAI	58	-0.138*	0.309
GDS	58	-0.398**	0.002

Nota: \* $p < 0.05$ ; \*\* $p < 0.01$

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian korelasi di antara kebimbangan dengan kualiti hidup warga emas demensia di RSK Cheras adalah negatif di mana ( $r = -.138$ ,  $p < .05$ ). Keputusan ini menjelaskan bahawa tahap kebimbangan warga emas demensia yang menetap di institusi RSK Cheras mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan kualiti hidup. Hasil ujian korelasi Pearson di atas menunjukkan bahawa hubungan antara kualiti hidup dan kebimbangan yang wujud adalah negatif. Kajian lepas yang dijalankan oleh Sivertsen et al. (2015) mendapati kebimbangan boleh menyebabkan penurunan kualiti hidup warga emas demensia di institusi penjagaan. Hasil analisis korelasi di dalam jadual 3 menunjukkan bahawa hubungan antara kualiti hidup dan kemurungan merupakan satu hubungan yang negatif ( $r = -.398$ ,  $p < .01$ ). Dapatan ini jelas memaparkan bahawa wujud perhubungan negatif yang signifikan antara kemurungan dan kualiti hidup warga emas demensia di RSK Cheras.

Manakala hasil ujian bagi hubungan antara kualiti hidup dengan kemurungan juga negatif. Bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas ialah menggalakkan lebih banyak aktiviti dan program menceriakan kehidupan mereka dengan membuat perubahan fizikal di institusi penjagaan warga emas (Woodbridge et al. 2016). Salah satu aktiviti yang sangat popular dan diminati oleh warga emas demensia dan penjaga adalah terapi kenangan berkelompok (Woods et al. 2018) Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan aktiviti kenangan berkumpulan untuk memberi makna kepada kehidupan mereka dan mengurangkan perasaan kesunyian dan kemurungan dalam kalangan warga emas di institusi penjagaan.

### Aktiviti Terapi Kenangan Berkelompok

Peranan pekerja sosial wajar menyampaikan *Group Reminiscence Therapy (GRT)* melalui praktis dengan berkesan bagi meningkatkan

kualiti hidup dalam mencapai tahap kesejahteraan maksimum warga emas di institusi penjagaan. Melalui praktis berkesan sangat sesuai untuk pekerja sosial menangani masalah warga emas demensia di institusi adalah melalui intervensi terapi kenangan berkelompok. Masalah kemurungan akan dapat diatasi melalui GRT iaitu dengan berinteraksi serta berkongsi pengalaman bersama-sama ahli kumpulan semasa sesi GRT dijalankan. Situasi ini akan mewujudkan keadaan yang mesra serta mereka dapat berkomunikasi antara satu sama lain (Nobelina, 2015). Tujuan utama GRT dilakukan kepada warga emas demensia ialah untuk merangsang minda, mengungkit perasaan positif, dapat merangsang deria serta dapat menikmati aktiviti bermakna seperti bersosialisasi. Frisch & Frisch (2006), menyatakan dalam kajiannya bahawa *Reminiscence Therapy* adalah memfokuskan kepada meningkatkan harga diri, sosialisasi serta untuk meningkatkan fungsi kognitif, kemampuan berkomunikasi dan fungsi tingkah laku.

Selain itu, peranan golongan profesional seperti pekerja sosial gerontologi masih kurang di Malaysia dalam membantu menyelesaikan masalah warga emas demensia. Pekerja sosial di Malaysia kurang diberi pendedahan mengenai intervensi daripada segi penjagaan warga emas demensia. Menurut Khadijah (2012) dan Nurhayati et al. (2017) pekerja sosial di institusi penjagaan kurang diberi pendedahan mengenai aktiviti GRT untuk warga emas demensia di institusi. Namun begitu, kebiasaannya latihan penjagaan warga emas demensia hanya diberikan kepada jururawat sahaja berbanding pekerja sosial. Penambahbaikan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti untuk warga emas memerlukan kreativiti dalam kalangan pekerja sosial. Oleh yang demikian, pekerja sosial perlu diberi pendedahan dan latihan dalam mengendalikan pelbagai aktiviti dan program untuk warga emas di institusi penjagaan.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Rumusan kajian ini mendapati bahawa warga emas demensia di Rumah Seri Kenangan (RSK)

Cheras mempunyai tahap kualiti yang rendah iaitu pada tahap skor 12 di mana warga emas demensia kurang dilibatkan dengan aktiviti di RSK Cheras, warga emas lebih selesa berkurung di dalam bilik berbanding mengikuti aktiviti yang diadakan oleh pegawai kebajikan sosial RSK Cheras. Nilai purata bagi kebimbangan warga emas demensia di RSK Cheras ialah 9.5, keadaan ini menunjukkan bahawa warga emas demensia di RSK Cheras mengalami tahap skor kebimbangan yang tinggi iaitu 45. Hasil analisis kajian ini jelas menunjukkan bahawa warga emas mengalami tahap kebimbangan yang tinggi, situasi ini berlaku kerana warga emas demensia yang tinggal di RSK Cheras kurang terlibat dengan aktiviti sosial. Manakala, nilai purata bagi tahap kemurungan yang dialami oleh warga emas demensia iaitu 5.9, ini jelas menunjukkan bahawa warga emas demensia mengalami kemurungan. Tahap kemurungan warga emas demensia adalah disebabkan perasaan kesunyian, kurangnya jaringan sosial, tiada teman untuk berbual, dan kehilangan perhubungan dengan ahli keluarga.

Hampir satu pertiga penghuni warga emas di pusat penjagaan menghidap demensia. Mereka juga dikenal pasti mempunyai tahap kualiti hidup yang sederhana rendah dan mempunyai tahap kemurungan dan kebimbangan yang rendah. Hubungan negatif dalam tahap kebimbangan dan kemurungan yang berkait rapat dengan kualiti hidup yang rendah berpunca daripada kurangnya aktiviti bermakna dipraktikkan di institusi penjagaan. Bahkan warga emas sering ingin melupakan pengalaman lama dalam hidup mereka supaya tidak bimbang dan murung. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta perlu memainkan peranan mereka dalam menangani masalah kebimbangan dan kemurungan yang memberi kesan terhadap kualiti hidup melalui pelbagai aktiviti bermakna untuk warga emas demensia di institusi penjagaan.

Artikel ini mencadangkan kepada pekerja sosial dan penjaga warga emas digalakkan mengendalikan aktiviti bermakna seperti terapi

kenangan berkelompok. Kajian lepas (Jing-Jy et al. 2014) mendapati bahawa tahap kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan responden terbukti menurun setelah diberi intervensi terapi kenangan berkelompok dibandingkan dengan sebelum intervensi tersebut dijalankan. Proses intervensi terapi kenangan berkelompok memberi peluang kepada semua penghuni dalam menceritakan kehidupan dan pengalaman masa lalu yang suka dan duka. Proses ini memberikan individu merasa tenteram dan mengingati kisah silam dan memupuk penerimaan diri yang akan berguna untuk tujuan penyembuhan masalah demensia dalam kalangan warga emas.

### Penghargaan

Kajian ini telah menerima bantuan kewangan dari Geran Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (2013-027). Kajian ini telah mendapat kebenaran dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

### Rujukan

- Azcurra DJLS. (2012). A reminiscence program intervention to improve the quality of life of long-term care residents with Alzheimer's disease: A randomized controlled trial. *Revista Brasileira de Psiquiatria*, 34(4):422–433.
- Alzheimer's, A. (2015). Alzheimer's Disease Facts And Figures. *Alzheimer's & Dementia: The Journal Of The Alzheimer's Association*, 11(3) 332.
- Beck AT, Steer RA. (1993). *Beck Anxiety Manual*. San Antonio: Harcourt Brace and Company.
- Beck, A. T. (1967). *Depression : Clinical, Experimental And Theoretical Aspects*. Philadelphia: University Of Pennsylvania.
- Borza, T., Engedal, K., Bergh, S., Barca, M. L., Benth, J. Š., & Selbæk, G. (2015). The Course Of Depressive Symptoms As Measured By The Cornell Scale For Depression In Dementia Over 74 Months In 1158 Nursing Home Residents. *Journal Of Affective Disorders*, 175, 209-216.
- Brown, P. J., & Roose, S. P. (2011). Age and anxiety and depressive symptoms: The effect on domains of quality of life. *International Journal of Geriatric Psychiatry*, 26, 1260–1266.
- Chua Yan Paw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. 2<sup>nd</sup> Edition. Penerbit: Mc Graw Hill Education Companies Malaysia.
- Cheng. Bo Like Wu. Xiaojuan Wang. 2013. Definisi Demensia. <http://www.chinastemcell.com.cn/en/Stem-Cell-Treatments/62013122961.html>. [ 2 Mac 2015].
- Cipriani, G., Lucetti, C., Danti, S., & Nuti, A. (2015). Sleep Disturbances and Dementia. *Psychogeriatrics*, 15(1), 65-74.
- Crespo M, Hornillos C, de Quiros MB. (2013). Factors associated with quality of life in dementia patients in long-term care. *Int Psychogoe*; 25: 577–585.
- Ding, Y., Niu, J., Zhang, Y., Liu, W., Zhou, Y., Wei., C., Liu, Y. (2018). Informant questionnaire on cognitive decline in the elderly (IQCODE) for assessing the severity of dementia in patients with Alzheimer's disease *BMC Geriatrics*; 18:146
- Diniz, B. S., Butters, M. A., Albert, S. M., Dew, M. A., and Reynolds, C. F. 3rd. (2013). Late-life depression and risk of vascular dementia and Alzheimer's disease: systematic review and meta-analysis of community-based cohort studies. *Br. J. Psychiatry* 202, 329–335.
- Duru Aşiret G, Kapucu S. The Effect of Reminiscence Therapy on Cognition, Depression, and Activities of Daily Living for Patients With Alzheimer Disease. *J Geriatr Psychiatry Neurol*. (2015). Aug 6.



- Folstein, MF; Folstein, SE; Mchugh, PR. (1975). "Mini-Mental Status". A Practical Method For Grading The Cognitive State Of Patients For The Clinician". *Journal Of Psychiatric Research*. 12 (3): 189-98.
- Havighurst, R. J. Glasser, R. 1972. An exploratory study of reminiscence. *Journal of Gerontology* 27: 245-253.
- Hughes, C. P., Berg, L., Danziger, W., Coben, L. A., & Martin, R. L. (1982). A New Clinical Scale For The Staging Of Dementia. *The British Journal Of Psychiatry*, 140(6), 566-572.
- Ingraham, F. 1996. The Short Geriatric Depression Scale: A Comparison With The Standard Form In Independent Older Adults. *Clinical Gerontologist*, 16(3), 49-56.
- Jing-Jy W. Wen-Yun C. Pei-Ru L. Ming-Chyi P. (2014). Delusions And Underlying Needs In Older Adults With Alzheimer's Disease: Influence Of Earlier Life Experiences And The Current Environment. *J Gerontol Nurs.*; 40 (12):38-47.
- Khadijah Alavi. (2012). *Dilema Penjagaan Ibu Bapa Tua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kan, Kwai Ching, Ponnusamy Subramaniam, Rosdinom Razali, Shazli Ezzat Ghazali. (2018). Reliability and validity of the quality of life-alzheimer's disease questionnaire in Malay language for Malaysian older adult with dementia. *Malaysian Journal Of Public Health Medicine (Under Review)*.
- Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. (2011). Lembaga Pembangunan dan Pendudukan Keluarga Negara. Penerbit LPPKN, Kuala Lumpur.
- Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. (2016). Lembaga Pembangunan dan Pendudukan Keluarga Negara. Penerbit LPPKN, Kuala Lumpur.
- Logsdon, R. G., Gibbons, L. E., McCurry, S. M., Teri, L. (2002). Quality Of Life In Alzheimer's Disease: Patient And Caregiver Reports. *Journal Of Mental Health And Aging*, 5(1): 1999, 21-32.
- Medical Dictionary. 2007. Demensia. <http://medical-dictionary.thefreedictionary.com/Demensia>. [20 November 2007].
- Mukhtar, F. & Zulkefly, N. S. (2011). The BAI Anxiety Inventory For Malays (BAI-Malays): A preliminary study on psychometric properties. *Malaysian Journal of Medicine And Health Science*, 7(1): 73-79.
- Nurhayati Mohamad, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad dan Nur Saadah Mohamad Aun. (2017). Pengalaman sokongan sosial intergenerasi dalam kalangan warg emas di institusi kebajikan awam. *Jurnal Akademika*, 87(1): 65-74.
- Nobelina Adicondro. (2015). Pengaruh Terapi Kelompok Reminiscence Untuk Menurunkan Tingkat Depresi Pada Lanjut Usia Di Panti Sosial Tresna Werdha Unit Budi Luhur Kasongan, Bantul Daerah Istimewa Yogyakarta. *Empaty Jurnal Fakultas Psikologi*. Vol 3 (2): 1-18.
- Roy N, Dube' R, Despre' s C, Freitas A, Le' gare' F. Choosing between staying at home or moving: A systematic review of factors influencing housing decisions among frail older adults. *PLoS ONE*. 2018;13(1): e0189266. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0189266>.
- Siverova, J. & Buzgova, R. (2014). Influence reminiscence therapy on quality of life patients in the long term hospital. *Recenzovany Vedecky Casopis*. vol. 5(1):21-28.
- Sivertsen H, Bjorklof GH, Engedal K, Selbaek G, Helvik AS. (2015). Depression and quality of life in older persons: a review. *Dement Geriatr Cogn Disord.*;40:311-39.

- Sheikh, J.I. Yesavage J.A. (1986). Geriatric Depression Scale (GDS), Recent Avidence and Development Of A Shorter Version. In T.L. Brink (Ed.) *Clinical Gerontology: A Guide To Assessment And Intervension*. (Page 165-173). New York. The Haworth Press, Inc.
- Sudeshna Basu Mukherjee. (2013). Quality of Life of Elderly : Hope Beyond Hurt. *Indian Journal of Gerontology*, Vol. 27, No. 3, pp. 450–467.
- Subramaniam, P. & Woods. B (2010). Towards The Therapeutic Use Of Information And Communication Technology In Reminiscence Work For People With Dementia: A Systematic Review. *International Journal Of Computers In Healthcare* 1, 106-125.
- Subramaniam, P. & Woods, B. (2012). The Impact Of Individual Reminiscence Therapy For People With Dementia: Systematic Review. *Expert Review Of Neurotherapeutics* 12, 545-555.
- Subramaniam, P. Woods, B. Whitaker C. (2014). Life Review And Life Story Books For People With Mild To Moderate Dementia: A Randomised Controlled Trial. *Aging & Mental Health* 18, 363-375.
- Tanaka, H., Hashimoto, M., Fukuhara, R., Ishikawa, T., Yatabe, Y., Kaneda, K., Ikeda, M. (2015). Relationship between dementia severity and behavioural and psychological symptoms in early-onset Alzheimer's disease. *Psychogeriatric: The Official Journal of the Japanese Psychogeriatric Society*, 15(4), 242-247. doi: 10.1111/psyg.12108.
- Tengku Aizan Hamid. (2016). Health and social care needs of older persons in Malaysia. *Seminar on successful ageing: Mobilizing communities towards elderly wellbeing*. 12-13 October 2016. Institut Social Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tay K.W., Subramaniam, P. Oei, T.P. (2018). Cognitive behavioural therapy can be effective in treating anxiety and depression in persons with dementia: a systematic review. *Psychogeriatrics* (Online First).
- Wong, P. T., & Watt, L. M. (1991). What types of reminiscence are associated with successful aging? *Psychology and Aging*, 6(2), 272-279.
- Yesavage, J.A. Brink, T.L. Rose, T.L. Lum, O. Huang, V. Adey, M.B. Leirer, V.O. (1983). Development And Validation Of A Geriatric Depression Screening Scale: A Preliminary Report. *Journal Of Psychiatric Research*. 17. 37-49.
- Woods B, O'Philbin L, Farrell EM, Spector AE, Orrell M. (2018). Reminiscence Therapy for Dementia. *Cochrane Database of Systematic Reviews*, 2, 10.1002/14651858.CD001120. pub3
- Woodbridge, R.; Sullivan, M.P.; Harding, E.; Crutch, S.; Gilhooly, K.J.; Gilhooly, M.; McIntyre, A.; Wilson, L. (2016). Use of the physical environment to support everyday activities for people with dementia: A systematic review. *Dementia (London)*.
- World Alzheimer Report 2015: The global impact of dementia (2015). <https://dx.doi.org/10.1177%2F2158244014566365> (accessed 22 November 2018)
- World Health Organization, December 2017. Dementia fact Sheets 2017. (<http://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/dementia>) (accessed 22 November 2018).